



PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSELOR (HAL EHWAL PELAJAR)

Bilangan 17 Tahun 2020

PENGECUALIAN BAYARAN KOLEJ KEDIAMAN SELAMA SEBULAN PADA BULAN OKTOBER 2020 BAGI PELAJAR YANG MEMILIH UNTUK MENGINAP DI KOLEJ KEDIAMAN SESI OKTOBER 2020 – FEBRUARI 2021

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (UiTM) mengenai pengecualian bayaran kolej kediaman selama sebulan pada bulan Oktober 2020 bagi pelajar yang memilih untuk menginap di kolej kediaman.

LATAR BELAKANG

2. Pada 8 Julai 2020 yang lalu, Menteri Pengajian Tinggi telah mengumumkan kemasukan semula pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) ke kampus secara berperingkat bermula Julai 2020 dan kemasukan pelajar sepenuhnya pada Oktober 2020.

3. Namun begitu, keadaan semasa pandemik COVID-19 telah mencatatkan bilangan kes harian di luar jangkaan dan membimbangkan pada setiap hari. Atas dasar kebimbangan kepada perkara ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan kenyataan media pada 2 Oktober 2020 dengan mengarahkan penangguhan pendaftaran kemasukan pelajar ke kampus dan disambut melalui Pekeliling Naib Canselor Bilangan 24 Tahun 2020 berkaitan perkara yang sama pada tarikh yang sama.

4. Hal ini menyebabkan terdapat sebilangan pelajar yang terkesan terutama dari segi kewangan memandangkan terdapat pelajar yang terpaksa pulang semula ke kampung halaman berikutan penangguhan proses pendaftaran kolej pelajar secara fizikal.

5. Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti Bil. 32/2020 bertarikh 7 Oktober 2020 telah meluluskan pengecualian bayaran kolej kediaman selama sebulan pada bulan Oktober 2020 bagi pelajar yang memilih untuk menginap di kolej kediaman.

PELAKSANAAN

6. Hasil keputusan mesyuarat tersebut, pihak Universiti bersetuju untuk memberikan pengecualian bayaran kolej kediaman selama sebulan pada bulan Oktober 2020 kepada semua pelajar yang telah mendaftar dan menginap di kolej kediaman pada bulan Oktober 2020. Pengecualian bayaran tersebut adalah pada nilai seperti berikut:

Jenis Bilik	Kadar Asal Bilik [14 minggu] (RM)	Pengecualian Bayaran [4 minggu] (RM)	Jumlah Yang Perlu Dibayar (RM)
Bilik Berdua	420.00	120.00	300.00
Bilik Bertiga	315.00	90.00	225.00
Bilik Berempat	210.00	60.00	150.00
Bilik Khas Fakulti Perubatan 1	584.00	166.86	417.14
Bilik Khas Fakulti Perubatan 2	682.40	194.97	487.43
Bilik Khas Fakulti Perubatan 3	780.00	222.86	557.14
Bilik Khas Fakulti Perubatan 4	1,044.00	298.29	745.71

7. Manakala, bagi pelajar yang telah membuat pembayaran kolej kediaman tetapi tidak mendaftar atau/dan tidak menginap atau/dan pulang semula ke kampung halaman dalam bulan Oktober 2020, **bayaran tersebut akan dikembalikan kepada pelajar secara seratus peratus.**

8. Bagi pelajar yang bercadang untuk menginap di kolej kediaman selepas bulan Oktober 2020, kaedah pembayaran akan ditentukan dan dimaklumkan kembali oleh pihak Universiti.

9. Namun begitu, pengecualian bayaran kolej kediaman ini tidak terpakai kepada:

- 9.1 pelajar yang diluluskan pengecualian bayaran kolej berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-141 bertarikh 10 Januari 2005 dan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-190 bertarikh 30 April 2014; dan
- 9.2 pelajar yang mengikut pengajian Asasi di Pusat Asasi, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Dengkil.

10. Sebarang kelulusan dan pindaan mengenai perkara ini adalah tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara pihak Universiti dari semasa ke semasa.

TARIKH DIKELUARKAN

11. Pekeliling ini dikeluarkan pada 22 Oktober 2020.

TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 22 Oktober 2020.

PEMAKAIAN

13. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua pelajar Universiti Teknologi MARA (kecuali pelajar Pusat Asasi) yang mendapat kemudahan kolej kediaman bagi sesi Oktober 2020 – Februari 2021.

14. Pengecualian bayaran kolej kediaman ini hanya tertakluk bagi sesi Oktober 2020 – Februari 2021 sahaja. Kadar sedia ada terpakai semula bagi sesi berikutnya atau pada manapun sesi yang akan dimaklumkan kemudian dari semasa ke semasa.



PROF. DR. AZIZAN ABDULLAH
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Dikelilingkan Kepada:

Rektor Kampus Cawangan
Pengarah Pembangunan Pelajar
Timbalan Pendaftar Kanan (HEP)
Timbalan Bendahari Kanan, Bahagian Pengurusan Kewangan Pelajar
Ketua Unit Kemudahan Kolej
Pengetua Kolej Kediaman
Pengurus Asrama Kolej Kediaman
YDP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
YDP Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK)
Semua Warga UiTM

Bil. Fail : 100-HEP(UKK 6/5)
No Siri : 100-HEP(PT.6/5) Bil. 17